Journal of Al-Tamaddun, 14 (1), 2019, 73-88
https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no1.7

GERAKAN ANTIPENYERAHAN DI SARAWAK, 1946-1949: PENENTANGAN ORANG MELAYU TERHADAP PENJAJAH BRITISH

(The Anti-Cession Movement in Sarawak, 1946-1949: The Malays Resistance Against the British Colonial)

Ho Hui Ling*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti perjuangan orang Melayu menentang penjajah British melalui gerakan antipenyerahan yang berlaku di Sarawak dari tahun 1946 hingga 1949. Selepas zaman pendudukan Jepun, Sarawak telah mengalami perubahan taraf politiknya dari negeri naungan kepada jajahan mahkota British pada 1 Julai 1946. Di pihak Vyner Brooke, keadaan Sarawak selepas zaman Jepun dan masalah peribadi yang dihadapinya menyebabkan Raja memutuskan untuk menamatkan pentadbirannya. Bagi pihak Britain pula peluang yang dinanti-nantikan untuk menguasai Sarawak telah tiba. Bagaimanapun, kehendak Raja Brooke dan British tidak berjalan dengan begitu lancar. Ini kerana perubahan politik di Sarawak tidak dapat diterima oleh penduduk tempatan khasnya orang Melayu dan membawa kepada berlakunya gerakan antipenyerahan. Dalam kajian ini, pendekatan yang digunakan adalah berdasarkan kajian arkib dan perpustakaan dengan meneliti sumber primer serta sekunder. Melalui dapatan kajian, orang Melayu memainkan peranan yang penting dalam gerakan antipenyerahan Sarawak. Golongan ini berusaha untuk memperjuangkan supaya Sarawak tidak dijajah oleh British dan sebaliknya diberi taraf berkerajaan sendiri. Mereka telah mengatur pelbagai strategi untuk menghalang rancangan Raja Brooke dan British. Walaupun akhirnya perjuangan golongan antipenyerahan tidak mencapai matlamat untuk mempertahankan kemerdekaan Sarawak, tetapi ia telah meningkatkan kesedaran kebangsaan dan kesedaran politik dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak. Sarawak dijajah oleh British sehingga 16 September 1963.

Kata Kunci: Gerakan Antipenyerahan, Sarawak, orang Melayu, Raja Brooke, Penjajah British

Abstract

This study aims to examine the struggle of the Malays against the British colonial through the anti-cession movement from 1946 to 1949. After the Japanese occupation, the Sarawak's political status changed from a British protectorate to a Crown Colony on 1 July 1946. Situation of Sarawak in the aftermath of the Japanese occupation and the personal problems faced by Vyner Brooke forced the Raja to dissolve the Brooke administration. For the Britain, it was a long-awaited opportunity to exert their control over Sarawak. This transition, however, did not take place smoothly. The people of Sarawak especially the Malays were not prepared to accept the imminent change of political status of Sarawak, thus leading to an anti-cession movement. In this study, the approach used is based on archives and library researah by examining the primary and secondary sources. The findings show that the Malays played an important role in the anti-cession movement. The movement fought against the British attempt to govern Sarawak and, instead, strived for a grant of self-government. The various strategies were undertaken to thwart the plans of Raja Brooke and the British. Although the anti-cession movement eventually failed to achieve its objective of preserving Sarawak's independence, it nevertheless had raised the national consciousness and political awareness among the Malays in Sarawak. Sarawak was colonized by the British until 16th September 1963.

Keywords: *Anti-Cession Movement, Sarawak, the Malays, Raja Brooke, British Colonial*

Pendahuluan

Sejarah lama Sarawak berhubung kait dengan sejarah Kesultanan Brunei kerana kawasan Sarawak merupakan wilayah jajahan Brunei sebelum tahun 1841. Sementara itu, sejarah moden Sarawak bermula dengan pengasasan Dinasti Brooke pada tahun 1841. Keluarga Brooke mula berkuasa di Sarawak setelah

* Ho Hui Ling, Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: hohuiling@um.edu.my.

James Brooke berjaya mematahkan pemberontakan di Sarawak (1836-1840) yang dilakukan oleh penduduk tempatan terhadap wakil pentadbir Brunei. Sebagai balasannya, James Brooke telah diisytiharkan sebagai Raja Sarawak pada 24 September 1841. Beliau meninggal dunia pada 11 Jun 1868 dan diganti oleh anak saudaranya, Charles Brooke pada Ogos 1868. Seterusnya Charles Vyner Brooke menjadi Raja Sarawak pada tahun 1917. Vyner Brooke memerintah Sarawak sehingga penaklukan Jepun pada Disember 1941 dan selepas Jepun tewas pula Sarawak diserahkan kepada kerajaan British sebagai jajahan mahkota (*Crown Colony*) British secara rasminya pada 1 Julai 1946.

Penyerahan Sarawak kepada British menjadi isu politik yang mendapat perhatian daripada pelbagai pihak di Sarawak khasnya penduduk Melayu. Bagi mereka, penyerahan Sarawak kepada British oleh Raja Vyner Brooke bermakna berlaku perubahan kepada taraf politik dimana Sarawak akan dijajah oleh British. Isu penyerahan Sarawak ini merupakan isu utama yang dihadapi oleh kerajaan Sarawak dan pendudukanya selepas Jepun tewas. Ini kerana penyerahan Sarawak kepada British telah menimbulkan politik antipenyerahan di Sarawak. Pada ketika itu, orang Melayu berpecah kepada dua kumpulan, iaitu satu kumpulan menerima baik penyerahan Sarawak kepada British dan yang majoritinya menentang dengan melancarkan gerakan antipenyerahan (*anti-cession*). Begitu juga sebilangan orang Dayak di bawah *Sarawak Dayak Association* (SDA) turut memberi sokongan kepada tindakan orang Melayu dengan menyatakan bantahan mereka kepada perubahan taraf politik Sarawak. Sementara itu, di pihak British pula, melalui pengambilan Sarawak daripada Raja Brooke dapat memperkukuhkan pengaruh mereka di negeri itu. Ini memandangkan sejak tahun 1888, British telah menandatangani perjanjian dengan Charles Brooke dan Sarawak diletakkan sebagai negeri naungan British. Bagaimanapun, melalui perjanjian itu Britain tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam hal dalaman negeri Sarawak termasuk pentadbiran dan perundangan kecuali dalam soal hubungan luar negeri itu. Justeru, keadaan di Sarawak selepas zaman pendudukan Jepun dilihat adalah satu peluang yang dinanti-nantikan oleh British untuk berkuasa dalam pentadbiran Sarawak.

Umumnya, orang Melayu merupakan kumpulan penduduk minoriti di Sarawak, namun mereka telah mengambil bahagian dalam pentadbiran Sarawak sejak awal lagi.[1] Penglibatan dalam pentadbiran memberi pengalaman dan kesedaran politik kepada mereka. Justeru, apabila isu penyerahan Sarawak kepada British berbangkit, orang Melayu dengan segera menunjukkan reaksi dan bertindak. Sarawak mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Antaranya, orang Dayak (Iban, Bidayuh, Bumiputera lain) membentuk kumpulan terramai, diikuti oleh orang Cina dan kemudian orang Melayu serta Melanau. Pada tahun 1947, penduduk di Sarawak berjumlah 546,385 orang, Daripadanya, orang Melayu merangkumi 97,469 orang (17.8 peratus) berbanding dengan 190,326 orang Iban (Dayak Laut), 42,195 orang Bidayuh (Dayak Darat), 29,867 orang Bumiputera lain, dengan seramai 145,158 orang Cina, 35,560 orang Melanau dan 5,810 orang lain-lain kaum.[2]

Melihat kepada isu di atas, artikel ini memberi tumpuan perbincangan kepada isu penyerahan Sarawak kepada British dan kesediaan British untuk menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkotanya selepas zaman pendudukan Jepun. Seterusnya perbincangan menjurus kepada usaha dan proses penyerahan Sarawak yang melibatkan pihak Raja Brooke dan British serta reaksi orang Melayu Sarawak dalam hal ini. Perkembangan ini akhirnya membawa kepada penentangan daripada sebahagian besar penduduk Melayu di Sarawak melalui gerakan antipenyerahan, iaitu satu gerakan yang memperlihatkan kesedaran politik dalam kalangan penduduk tempatan untuk mempertahankan kedudukan negeri mereka daripada dijajah oleh British. Dengan itu juga dapat dilihat telah lahirnya kesedaran dan semangat perjuangan orang Melayu Sarawak menentang penjajah pada pertengahan tahun 1940-an. Di situ juga dapat dilihat sebahagian besar orang Melayu Sarawak pada ketika itu menunjukkan kerjasama dan kesepakatan dalam mempertahankan negeri mereka daripada dikuasai oleh penjajah British.

[1] Ketika Sarawak di bawah pengaruh Brunei (sebelum tahun 1841), orang Melayu dilantik sebagai ketua masyarakat oleh Sultan Brunei dengan gelaran Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung. Masing-masing mereka memainkan peranan sebagai pemimpin masyarakat Melayu, menguruskan pentadbiran tempatan dan memungut cukai serta menjaga keselamatan dan keamanan. Gelaran ini masih diteruskan semasa pentadbiran Raja Brooke di Sarawak (1841-1941).

[2] L.W. Jones (1962), *Report on The Census of Population Taken on 15th June 1960,* Kuching: Government Printing Office, h. 122.

Sebab-sebab Penyerahan Sarawak: Raja Brooke dan Britain

Pada 15 April 1946, Raja Vyner Brooke kembali ke Sarawak dan *British Borneo Civil Affairs Unit* (BBCAU) menyerahkan semula kerajaan Sarawak kepadanya. Penduduk secara keseluruhannya sangat gembira dan berharap dengan pengembalian Vyner Brooke ke Sarawak, keadaan negeri Sarawak dapat dipulihkan seperti sebelum perang. Namun demikian sebenarnya telah wujud banyak perubahan dengan kemaraan tentera Jepun ke Sarawak sejak bulan Disember 1941 dan kemudian penaklukan Jepun ke atas negeri itu.

Tidak dapat dinafikan pendudukan Jepun dan Perang Dunia Kedua telah membawa banyak kemusnahan kepada negeri Sarawak sama ada ada dari segi ekonomi, sosial mahupun infrastruktur. Selepas perang, Sarawak perlu dibina semula dan ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Keadaan ekonomi adalah menyedihkan; padang-padang minyak telah musnah dan kebun-kebun getah juga terbiar. Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang juga perlu diperbaiki segera. Vyner Brooke mendapati Sarawak tidak mampu untuk membangunkan semula negerinya. Beliau berpendapat hanya kerajaan British yang mampu dan bersedia untuk memulihkan Sarawak daripada kerosakan perang. Dengan itu, Vyner Brooke berharap Sarawak akan dapat menjadi sebuah negeri moden di bawah kerajaan British kerana ia mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan pengalaman teknikal yang diperlukan untuk pembangunan sebuah negeri moden. Bantuan daripada British tidak akan berlaku sekiranya Sarawak masih di bawah pentadbiran Raja Brooke.[3]

Selain itu, masalah peribadi dan masalah keluarga turut mempengaruhi keputusan Raja Vyner Booke untuk menyerahkan Sarawak kepada British. Pada ketika itu, usia Vyner Brooke telah lanjut (72 tahun) dan beliau tidak mempunyai waris lelaki yang boleh menggantikan tempatnya sebagai Raja Sarawak. Menurut wasiat bapanya iaitu Charles Brooke, hanya anak lelaki yang boleh mewarisi takhta kerajaan Sarawak. Sementara itu, Vyner Brooke berasa keberatan untuk menyerahkan pentadbiran Sarawak kepada anak saudaranya, Anthony Brooke mahupun pada adiknya, Bertram Brooke.[4] Ini kerana beliau tidak yakin kepada penggantinya itu yang akan memerintah Sarawak dengan baik. Perkara ini merupakan antara faktor yang mempengaruhi keputusan Raja untuk menyerahkan Sarawak kepada British.

Dalam perkembangan lain, menurut sumber dari Radio Melbourne, sejumlah wang akan dibayar kepada Raja Vyner dan keluarganya sebagai wang pampasan kerana melepaskan pentadbiran Sarawak.[5] Justeru, motif kewangan turut timbul dalam rancangan penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke. Mengikut Sabihah Osman dalam tulisannya, "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951", sejak 1930-an lagi Raja Vyner Brooke telah memikirkan motif kewangan keluarganya di mana kemudian beliau telah mengadakan satu rundingan rahsia dengan Kerajaan Britain untuk menjual kuasa autokratiknya di Sarawak kepada Jawatankuasa Pentadbiran pada tahun 1941 bagi memperoleh 2,000,000 pound. Menurut Sabihah Osman juga Raja Vyner tidak berminat terhadap pentadbiran Sarawak dan tidak berniat meneruskan tanggungjawabnya di Sarawak.[6] Dalam keadaan itu, nampaknya Vyner Brooke telah memutuskan bahawa penyerahan Sarawak kepada British adalah penyelesaian yang wajar baginya dan juga bagi negeri Sarawak.

Pada masa yang sama, penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke kepada British juga berkaitan dengan minat dan keinginan British untuk memperluaskan tanah jajahannya, yang sebelum ini sudah beberapa kali cuba campur tangan dalam politik Sarawak. Dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan, British dapat

---

[3] Saul Rose (1962), *Britain and South-East Asia*, Baltimore: The Johns Hopkins Press, h. 147. Lihat juga Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, h. 55-57.

[4] *Utusan Sarawak*, 13 November 1950, h. 2. Konflik antara Raja Vyner Brooke dengan Anthony Brooke berpunca daripada Anthony Brooke dilantik menjadi pemangku Raja pada April 1939 ketika ketiadaan Raja Vyner Brooke di Sarawak. Anthony telah mengkritik pentadbiran pegawai kanan Sarawak yang dikatakan terlalu tertumpu kepada pentadbiran berpusat. Ini membawa kepada peletakan jawatan secara kolektif oleh pegawai-pegawai kerajaan. Keadaan ini memberi peluang kepada British untuk mengawal kestabilan politik di Sarawak dengan meletakkan seorang Penasihat Am (*General Adviser*) pada tahun 1941. Bagaimanapun, sebelum Penasihat itu sempat melaksanakan tugasnya, Sarawak telah ditakluki oleh tentera Jepun pada Disember 1941. Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy,* Singapore: Oxford University Press, h. 39-40.

[5] *The Sarawak Tribune*, 9 February 1946, h. 1. Lihat juga R.H.W. Reece (1982), *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 188; Max Seitelman (1948), "The Cession of Sarawak," *Far Eastern Survey,* Vol. 17, no. 3, h. 36.

[6] Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," *Jebat,* Bil. 18, h. 148. Lihat juga Anthony Brooke (1983), *The Facts About Sarawak: A Documented Account of the Cession to Britain in 1946,* Singapore: Summer Times, h. 7; Steven Runciman (1960), *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946,* Cambridge: Cambridge University Press, h. 261.

campur tangan dalam pentadbiran dalaman Sarawak dan sekaligus dapat menguasai kekayaan ekonomi negeri itu serta menjaga kepentingan pelaburan British. Pejabat Kolonial berpendapat: *"...that so large an area of potentially rich tropical territory should be left undeveloped, making a relatively negligible contribution to the world's wealth and enjoying few of the benefits of modern scientific progress, cannot be tolerated indefinitely..."*.[7] Dalam buku Vernon Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963,* turut dinyatakan minat British terhadap kekayaan sumber ekonomi dan hasil bumi Sarawak seperti minyak, lada hitam dan getah.[8] Justeru, dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan, British akan dapat menjamin pelaburannya dan menjaga kepentingan ekonominya di Sarawak. Keadaan ini mendorong British untuk terus berusaha supaya dapat menguasai negeri Sarawak.

Kehadiran tentera-tentera Australia yang mentadbir Sarawak di bawah BBCAU untuk memulihkan keadaan selepas pendudukan Jepun telah menjadi faktor pendesak kepada pihak British untuk menjalankan rancangan meletakkan Sarawak di bawah jajahannya. Oleh kerana penduduk Sarawak telah menderita kekurangan makanan dan keperluan hidup selama beberapa tahun di bawah pentadbiran tentera Jepun, kehadiran BBCAU telah menenteramkan keadaan dengan membawa makanan dan keperluan kepada mereka. Justeru, ramai orang Sarawak berpendapat bahawa pentadbiran BBCAU adalah yang terbaik. Tambahan pula pihak Australia juga berminat untuk menguasai pentadbiran tentera di Sarawak dengan sepenuhnya walaupun tugas asal mereka ialah membebaskan Borneo daripada penaklukan Jepun. Dengan itu timbul rasa curiga pihak British mengenai tujuan sebenar kehadiran pihak tentera Australia di Sarawak. Memerhati perkembangan itu dengan bimbang, pihak British mengambil keputusan untuk mengambil alih pentadbiran Sarawak dengan alasan Sarawak memerlukan bimbingan untuk memulihkan keadaan selepas perang.[9] Dengan demikian, perkembangan itu dijadikan alasan terbaik oleh Britain untuk menguasai Sarawak dan menjadikannya tanah jajahan.

Sarawak juga sebagaimana negeri-negeri Melayu di mana British telah merancang dasarnya untuk menguasai negeri itu selepas Perang Dunia Kedua berakhir. Walaupun pihak British berjaya menandatangani perjanjian pada 5 September 1888 dengan Charles Brooke yang meletakkan Sarawak di bawah perlindungan Great Britain, iaitu menjadi Negeri Naungan (*Protected State*) British, tetapi British tidak mempunyai hak untuk mencampuri hal ehwal dalaman pentadbiran negeri itu. Namun, menurut perjanjian tersebut, Britain berhak ke atas soal hubungan luar Sarawak dan Sarawak pula tidak harus menyerahkan kawasannya kepada pihak lain tanpa keizinan daripada Great Britain. Perkara ini dinyatakan dalam Artikel 1, Perjanjian British-Sarawak, 5 September 1888.[10] Keadaan ini menunjukkan British sebenarnya telah berminat terhadap wilayah Borneo dan hanya menunggu masa yang sesuai untuk menguasainya. Selain itu, konflik dalam pentadbiran Sarawak antara Raja Vyner dengan Raja Muda Anthony Brooke pada tahun 1939-1941 juga sekali lagi menunjukkan minat British terhadap pentadbiran Sarawak. Konflik itu membuka peluang kepada British untuk merancang pelantikan seorang Penasihat Am di Sarawak dengan alasan menjaga kestabilan politik dan mengelakkan campur tangan kuasa asing di Sarawak. Keadaan huru-hara dalam pentadbiran Sarawak ini berlaku akibat tindakan Anthony Brooke (pemangku Raja Sarawak) yang mengubah dasar pentadbiran dan menyebabkan peletakan jawatan beramai-ramai pegawai kanan kerajaan Sarawak.[11]

Perlu diketahui bahawa perancangan dasar politik dan pentadbiran selepas zaman pendudukan Jepun bagi Tanah Melayu dan wilayah British Borneo telah bermula ketika negeri-negeri itu masih diduduki oleh pentadbiran tentera Jepun. Bagi wilayah Borneo (Sarawak dan Sabah), Sir Edward Gent dari Pejabat Kolonial di London telah menyediakan satu Unit Perancangan Borneo (*The Borneo Planning Unit*) di bawah C.F.C. Macaskie, mantan Ketua Hakim Borneo bagi merancang masa depan pentadbiran Borneo dalam era selepas perang.[12] Dalam hal Sarawak dan Sabah, telah dicadangkan kerajaan British berkuasa penuh dalam pentadbiran negeri tersebut selepas perang.[13] Keputusan dasar pentadbiran British disampaikan kepada Pejabat Kolonial dan disetujui oleh Jawatankuasa Kabinet Perang pada Mei 1944

[7] Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 147-148.
[8] Vernon L. Porritt (1997), *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963,* Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 2.
[9] *The Sarawak Tribune*, 16 January 1946, h. 2; Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, h. 49-50.
[10] Anthony Brooke (1983), *The Facts About Sarawak*, h. 2; J. de V. Allen, A.J. Stockwell, L.R. Wright (eds.) (1981), *A Collection of Treaties and other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963,* London: Oceana Publications. Inc., h. 611.
[11] Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 39-40.
[12] *The Straits Times,* 25 October 1945, h. 1. Lihat juga Wendy Hutton (ed.) (1993), *Sabah & Sarawak with Brunei Darussalam,* Singapore: Periplus Editions, h. 36; Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 42-43.
[13] R.H.W. Reece (1982), *The Name of Brooke,* h. 172-173.

bahawa Raja Sarawak harus menyerahkan kuasa kepada kerajaan British supaya kawalan yang berkesan ke atas negeri itu dapat dilakukan.[14] Dalam usaha mencapai matlamat ini, kerajaan British hendaklah mengambil tindakan yang sama seperti di negeri-negeri Melayu, mempengaruhi Raja Sarawak menyerahkan kuasa perundangannya kepada Raja England (*His Majesty*) dan membolehkannya melaksanakan pentadbiran di bawah *Foreign Jurisdiction Act* (Akta Juridiksi Asing). Dengan itu, British dapat berkuasa penuh di Sarawak dan kedaulatan Sarawak berpindah tangan kepada Raja England. Sarawak akan menjadi tanah jajahan dan bukanlah negeri lindungan British. Apabila pendudukan Jepun di Sarawak berakhir pada pertengahan Ogos 1945, tentera Australia mendarat di Kuching pada 11 September 1945 untuk membentuk kerajaan bagi pihak British. Seterusnya usaha diambil bagi meneruskan rancangan British dalam menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya. Rundingan dijalankan oleh pihak British dengan Raja Vyner bagi pihak Sarawak. Seterusnya, perjanjian ditandatangani oleh Raja Brooke dengan Pejabat Kolonial (diwakili oleh George Hall, Setiausaha Tanah Jajahan British) pada 24 Oktober 1945, bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British.[15]

Dalam hal ini, jelas dilihat kedua-dua pihak, Raja Vyner dan British pada hakikatnya mempunyai kepentingan diri masing-masing terhadap Sarawak. Bagaimanapun, rancangan Raja Brooke dan kerajaan British ini mendapat sokongan dan tentangan daripada pihak Sarawak. Golongan yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British dikenali sebagai golongan propenyerahan dan mereka yang menentang adalah golongan antipenyerahan. Sebahagian besar orang Melayu Sarawak pada ketika itu adalah golongan antipenyerahan dan mereka turut mendapat sokongan daripada sebilangan orang Dayak. Orang Melayu ini merupakan golongan yang memberi respond segera dan bergerak aktif dalam mengelakkan negeri mereka jatuh ke tangan penjajah British. Walaupun mendapat tentangan daripada golongan antipenyerahan, Sarawak tetap menjadi tanah jajahan mahkota British pada 1 Julai 1946 secara rasminya. Setelah British berkuasa di Sarawak, golongan antipenyerahan masih meneruskan gerakan penentangan mereka sehingga mencapai kemuncaknya dengan berlaku peristiwa pembunuhan Gabenor British Sarawak di Sibu pada tahun 1949.

Ke Arah Penyerahan Sarawak dan Reaksi Orang Melayu

Pengumuman Raja Vyner Brooke tentang keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946 telah menggegarkan negeri Sarawak. Pengumuman Vyner Brooke kepada penduduk Sarawak buat pertama kalinya dilakukan di London dan disiarkan serentak di London serta Kuching pada 6 Februari 1946. Pengumuman ini seterusnya telah diterbitkan dalam *The Sarawak Tribune* pada 8 Februari 1946.[16] Raja Brooke mendedahkan bahawa kerajaan British telah bersetuju dengan cadangan bahawa negeri Sarawak harus diserahkan kepada pihaknya. Beliau yakin bahawa kerajaan British dapat membawa kemajuan dan pembangunan kepada Sarawak.[17] Dalam surat pengumuman itu, turut dinyatakan kerajaan British menjamin akan memberi kebebasan kepada penduduk Sarawak. Seterusnya turut dinyatakan penduduk Sarawak akan menjadi rakyat Raja British (*British subject*).[18]

Vyner Brooke kembali ke Sarawak pada 15 April 1946 dan membuat pengumuman pertama di Sarawak kepada rakyatnya pada 24 April 1946. Dalam pengumuman itu, beliau berjanji adat resam lama tidak akan dihapuskan dan Perlembagaan Sarawak tahun 1941 akan dihormati. Seterusnya Raja Brooke menegaskan bahawa kerajaan Britain akan membawa pembangunan yang pesat dan kestabilan politik kepada Sarawak. Raja juga menyatakan beliau tidak yakin pengganti takhtanya, Anthony Brooke boleh menjadi seorang raja yang baik.[19] Ini menunjukkan Vyner Brooke cuba memujuk penduduk Sarawak mempertimbangkan dan menerima penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britain memandangkan kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh oleh Sarawak dan seluruh penduduk sekiranya Sarawak menjadi tanah jajahan British.

---

[14] Bob Reece (n.d.), *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak: Some Reflections of His Life and Times,* Kuching: Sarawak Literary Society, h. 89-90; Vernon L. Porritt (1997), *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963,* h. 1-2.

[15] Bob Reece (n.d.), *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak,* hlm. 90; Vernon L. Porritt (1997), *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963,* h. 2.

[16] *The Sarawak Tribune*, 8 February 1946, h. 2. Lihat juga *The Malay Mail,* 27 January 1949, h. 4; *British Borneo Military Administration Gazette,* 11 February 1946; Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* Kuching: Jenza Enterprise, h. 15.

[17] *The Sarawak Tribune*, 8 February 1946, h. 2. Lihat juga *British Borneo Military Administration Gazette,* 11 Februari 1946.

[18] Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* h. 16.

[19] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 72.

Berikutan dengan pengumuman itu, Vyner Brooke telah menghantar Setiausaha Sulitnya, Gerald MacBryan ke Sarawak sebagai wakil untuk melihat reaksi penduduk mengenai cadangan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.[20] MacBryan melawat pemimpin Cina dan Datu-Datu Melayu di Kuching bagi mengetahui pendapat mereka tentang penyerahan Sarawak kepada British. Di antara Datu-Datu Melayu yang dilawatnya termasuklah Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha, Datu Amar Abang Sulaiman, Datu Hakim Abang Haji Mohidin, Datu Menteri Encik Zain dan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Selain itu beliau juga cuba memujuk Ong Tiang Swee dan pemimpin utama pertubuhan-pertubuhan Cina serta pemimpin Melayu supaya menandatangani satu kenyataan yang menunjukkan sokongan kepada keputusan Raja dengan kerajaan British.[21] MacBryan menawarkan hadiah wang bernilai $12,000 kepada Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan $10,000 kepada Datu Hakim, Datu Menteri, Datu Pahlawan dan Datu Amar masing-masing. Manakala, Abang Haji Mustapha dan Ong Tiang Swee bersetuju menerima ganjaran sejumlah $45,000 untuk masing-masing diagihkan kepada masyarakat Melayu dan Cina yang menderita ketika zaman pendudukan Jepun.[22] Dengan kepulangan wakilnya, Raja Vyner Brooke memberitahu kerajaan British bahawa daripada surat-surat yang dihantar oleh ketua-ketua komuniti di Sarawak, beliau berasa penyerahan Sarawak boleh dijalankan.[23]

Di pihak lain, pihak British juga menghantar wakilnya ke Sarawak untuk mengetahui tindak balas penduduk tempatan terhadap rancangan penyerahan Sarawak. Seorang pegawai dari England bernama C.W. Dawson telah dihantar ke Kuching untuk meneliti keadaan di sana. Seterusnya, untuk membuat penyelidikan secara dekat lagi, pada Mei 1946 Pejabat Kolonial telah menghantar dua orang anggota Parlimen British iaitu David Rees William (Parti Buruh) dan Kapten L. David Gammans (Parti Konservatif) untuk mendengar laporan dan meninjau reaksi penduduk Sarawak tentang cadangan penyerahan Sarawak kepada British. Rombongan itu telah berjumpa dengan pemimpin Melayu terkenal di Kuching iaitu Datu Patinggi Abang Haji Abdillah di rumahnya. Kedatangan kedua-dua wakil Parlimen British disambut oleh beratus-ratus pemuda Melayu dengan sepanduk-sepanduk dalam bahasa Inggeris berbunyi "*No Cession*" dan "*We Want Brooke Rule*" dan surat bantahan juga dibaca di hadapan rombongan itu oleh setiausaha Datu Patinggi. Selepas itu, Datu Patinggi telah sekali lagi menegaskan pendirian dan bangkangannya dalam satu perjumpaan umum dengan rombongan ahli Parlimen itu. Manakala mereka yang memberi sokongan sepenuhnya kepada penyerahan Sarawak terdiri dariapda dua orang pemimpin Melayu iaitu Datu Abang Haji Mustapha dan Datu Amar Abang Sulaiman, berserta dengan dua orang pemimpin Cina iaitu Hong Guan Lin dan Ong Kwan Hin (mewakili bapanya, Ong Tiang Swee). Pemimpin ini menyatakan bahawa wang hasil negeri tidak mencukupi untuk sumber kewangan pembangunan dan pembinaan semula negeri Sarawak selepas perang. Mereka berpendapat hanya British boleh menyediakan modal yang dikehendaki untuk memulihkan semula keadaan Sarawak.[24] Di sini dapat dilihat orang Melayu telah memberi respons awal mereka tentang isu penyerahan Sarawak kepada British.

Begitu juga perjumpaan dengan rombongan ahli Parlimen itu diadakan di Dewan Perniagaan Cina supaya semua komuniti di Kuching dapat menyampaikan pendapat mereka. Perjumpaan juga diadakan di merata-rata tempat di Sarawak termasuklah di Simanggang, Bintulu, Miri, Limbang, Lawas, Sibu, Sarikei dan Lingga untuk mendengar pendapat penduduk Melayu dan kaum lain. Dalam pada itu, beberapa orang wakil masyarakat Iban menyatakan sokongan kepada penyerahan Sarawak dan yang lain bersikap berwaspada tentang perubahan yang akan berlaku dan meminta penerangan yang lebih jelas terutamanya orang Iban yang berpendidikan dari Bahagian Pertama dan Kedua Sarawak.[25] Rombongan itu kemudian kembali ke England dengan membawa pelbagai pandangan daripada penduduk Sarawak dan melaporkannya kepada

---

[20] Menurut Haji Mohammad Hasbie Sulaiman dalam bukunya *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* Raja Brooke menghantar MacBryan juga adalah untuk memutar belitkan pemimpin Melayu terutamanya Datu-Datu untuk menyerahkan Sarawak kepada British dan cuba memberi wang sogokan kepada mereka. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 29.

[21] Robert H.W. Reece (1977), The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946, Ph.D. Thesis, Australian National University, Canberra, h. 314; R.H.W. Reece (1982), *The Name of Brooke*, h. 201; Bujang bin Mohammed Nor (1950), *The Cession of Sarawak To Great Britain 1946,* Singapore: University of Malaya, h. 30.

[22] Bujang bin Mohammed Nor (1950), *The Cession of Sarawak To Great Britain 1946,* h. 31-32; Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 43. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah kemudian telah memulangkan wang yang diterimanya kepada J.B. Archer, penasihat Awam Pentadbiran Tentera British kerana beliau mengesyaki wang yang diterimanya itu. Bujang bin Mohammed Nor (1950), *The Cession of Sarawak To Great Britain 1946,* h. 31.

[23] CO 531/33, North Broneo, Brunei, Sarawak: Original Correspondence, 1907-1951; *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, No. 25, h. 29.

[24] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, h. 74; Bujang bin Mohammed Nor (1950), *The Cession of Sarawak To Great Britain 1946,* h. 29 dan 35; *Annual Report on Sarawak for the year 1947,* Kuching: Government Printing Office, 1948, h. 7-8.

[25] R.H.W. Reece (1982), *The Name of Brooke*, h. 209.

Pejabat Kolonial bahawa penduduk Sarawak secara umumnya menyokong penyerahan.[26] Di sini dapat dilihat tindak balas positif kaum Cina yang menyokong penyerahan Sarawak kerana beranggapan British dapat memberi manfaat yang besar kepada mereka. Hal ini sebagaimana pernah dinyatakan oleh Steven Runciman dalam bukunya *The White Rajahs* bahawa orang Cina menyokong penyerahan Sarawak kerana faedah ekonomi yang akan dibawa oleh pemerintahan British di Sarawak.[27] Dalam masyarakat Iban (Dayak) pula sebahagian menyokong dan yang lain berasa ragu-ragu. Manakala dalam kalangan penduduk Melayu telah dibahagikan kepada dua golongan, propenyerahan dan antipenyerahan. Kumpulan antipenyerahan itu kemudian telah mempelopori gerakan antipenyerahan di Sarawak yang berlaku dari tahun 1946 sehingga 1949 dan membuka satu lembaran sejarah penentangan penduduk tempatan terhadap penjajah British.

Berpandukan pandangan yang diperoleh oleh pihak Raja Brooke dan British daripada penduduk Sarawak, Rang Undang-Undang Penyerahan Sarawak (*Cession Bill)* telah dibahaskan dalam satu sesi khas di Majlis Negeri pada Mei 1946. Majlis Negeri bersidang pada 15 Mei 1946 dan dirasmikan oleh Raja Vyner Brooke. Rang Undang-Undang Penyerahan telah diluluskan melalui undian pada 17 Mei 1946, dengan majoriti kecil iaitu 19 undi menyokong dan 16 menentang[28] sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Daripada 16 orang mengundi menentang penyerahan itu, 12 orang adalah Bumiputera (iaitu 10 orang Melayu dan 2 orang Dayak). Manakala yang menyokong penyerahan pula kebanyakan adalah bukan Bumiputera dan pegawai kerajaan. Pembahagian undi mengikut kaum adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 1. Keputusan Pengundian Rang Undang-Undang Penyerahan dalam Majlis Negeri

	Menyokong		**Menentang**
1.	J.B. Archer (Pemangku Ketua Setiausaha)	1.	J.O. Gillbert (Residen Bahagian Keempat dan Kelima)
2.	G.E. Cascoigne (Bendahari)	2.	W.P.N.L. Ditmas (Residen Bahagian Pertama)
3.	L.D. Kennedy (Pengarah Perdagangan dan Kastam)	3.	Abang Openg Abang Safiee (Pegawai Bumiputera Bahagian Pertama)
4.	B.J.C. Spurway (Pengarah Kehutanan)	4.	Abang Kiprawi (Pegawai Bumiputera Bahagian Pertama)
5.	Father A. Mulder	5.	Abang Samsuddin
6.	R.E. Edwards	6.	Datu Patinggi Abang Haji Abdillah
7.	Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha bin Datuk Hakim Abang Moasili	7.	Abang Abu Latip (Pegawai Bumiputera Bahagian Kedua)
8.	Datu Amar Abang Sulaiman bin Abang Haji Taha	8.	Datu Zin (Pegawai Bumiputera Bahagian Kedua)
9.	Datu Menteri Encik Zain Mohamad	9.	Abang Haji Draup (Pegawai Bumiputera Bahagian Kedua)
10.	Haji Nawawi (Mufti)	10.	Abang Ali (Miri)
11.	Datuk Hakim Abang Haji Mohidin	11.	Datu Tuanku Mohamad (Pegawai Bumiputera Bahagian Keempat)
12.	Tan Bak Lim	12.	Abang Mustapha (Pegawai Bumiputera Bahagian Kelima)
13.	Temenggung Koh	13.	Rev. P.H.H. Howes
14.	Bennet Jarraw (Pegawai Bumiputera, Bahagian Ketiga)	14.	Philip Jitam
15.	J. Owen (wakil Eurasian/Serani)	15.	D.M. Deen (wakil kaum India Muslim)
16.	Khoo Peng Loong (wakil Cina Sibu)	16.	Edward Jerah (Pegawai Bumiputera Bahagian Kedua)
17.	Abang Ahmad (Sibu)		
18.	Abang Haji Abdul Rahim (Pegawai Bumiputera Bahagian Kelima)		

[26] *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, No. 25, h. 29; *Annual Report on Sarawak for the year 1947,* h. 7-8. Lihat juga Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, h. 75-77.
[27] Steven Runciman (1960), *The White Rajahs*, h. 262.
[28] *Annual Report on Sarawak for the year 1947,* h. 8.

19.	J.C.H. Barcroft, (Residen Bahagian Kedua)		

Sumber: R.H.W. Reece (1982), *The Name of Brooke,* hlm. 237; Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 80-81.

Jadual 2. Pembahagian Undi Ahli Majlis Negeri Mengikut Kaum

	Menyokong	Menentang
Bumiputera	9	12
India	-	1
Cina	2	-
Eurasian	1	-
Eropah	7	3

Sumber: Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951", h. 148.

Seterusnya, Rang Undang-Undang Penyerahan dibentangkan dalam Majlis Tertinggi Sarawak pada 20 Mei 1946. Dalam mesyuarat itu, enam orang menyokong dan dua orang menentang. Datu Abang Haji Mustapha, yang propenyerahan yakin yang Sarawak memerlukan sokongan Britain sebelum berdiri di atas kaki sendiri, bagi memajukan sumber alam, dan kemajuan sosial.[29] Bagi golongan yang menentang penyerahan Sarawak, walaupun Rang Undang-undang Penyerahan telah diluluskan tetapi oleh kerana tipu helah Raja Brooke menggunakan pegawai kerajaan bagi mengundi menyokong penyerahan, maka mereka memperkuatkan bantahan.[30] Bagi golongan antipenyerahan juga, pegawai-pegawai British ini digunakan untuk mengundi bagi merestui penyerahan Sarawak kepada British, jadi penyerahan Sarawak adalah dilakukan dengan secara tidak sah.[31] Bagiamanapun, bantahan daripada golongan antipenyerahan dalam hal ini adalah tidak berhasil di mana keputusan pengundian tetap diambil kira dan penyerahan Sarawak dilakukan.

Berikutnya, pada 21 Mei 1946, dokumen penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britain ditandatangani di antara Raja Sarawak, Vyner Brooke dengan pihak kerajaan British yang diwakili oleh C.W. Dawson di Astana, Kuching. Di antara perkara yang tercatat dalam dokumen berkenaan ialah semua hak dan aset kerajaan Brooke sama ada di dalam atau luar negeri diserahkan kepada British. Ini termasuklah kedaulatan Sarawak dan mana-mana tanggungjawab Raja Brooke kepada kakitangan kerajaan.[32] Pada 26 Jun 1946, *Sarawak Cession Order in Council, 1946* diterbitkan di mana Sarawak "…shall be annexed and shall form part of His Majesty's dominions and shall be called the Colony of Sarawak…"[33] Undang-undang ini mula dikuatkuasakan secara rasmi pada 1 Julai 1946. Pada 1 Julai 1946, upacara penyerahan Sarawak kepada British berlangsung di hadapan bangunan Mahkamah, Pangkalan Batu, Kuching. Peristiwa itu dikenali sebagai Hari Penyerahan atau *Cession Day*. Dengan itu bermula dari 1 Julai 1946 Sarawak telah mengalami perubahan taraf kedudukan politik dan menjadi tanah jajahan mahkota British. Seterusnya, Gabenor Jeneral bagi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Malclom MacDonald telah melantik C.W. Dawson sebagai Pemangku Gabenor Sarawak. Beliau bertugas di Sarawak sehingga Sir Charles Noble Arden Clarke dilantik sebagai Gabenor British yang pertama di Sarawak pada Oktober 1946.[34] Sejak itu, Sarawak berada di bawah pentadbiran British sehingga Sarawak mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Perjuangan Golongan Antipenyerahan

Walau bagaimanapun, penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke dan pengambilan Sarawak oleh British tidaklah berlaku dengan lancar. Ini kerana keputusan penyerahan Sarawak kepada British telah menimbulkan keadaan huru-hara dalam politik Sarawak. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian daripada penduduk Sarawak telah bertindak menentang penyerahan Sarawak terutamanya penduduk Melayu disamping sebilangan kecil orang Dayak. Salah satu pihak yang menunjukkan bantahan secara berani dan terbuka ialah Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) di Kuching. PKMS diketuai oleh Datu

[29] Bob Reece (n.d.), *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak*, hlm. 95-96.
[30] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, h. 93.
[31] Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 149.
[32] J. de V. Allen, A.J. Stockwell, L.R. Wright (eds.) (1981), *A Collection of Treaties and other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963,* h. 669-670.
[33] Bujang bin Mohammed Nor (1950), *The Cession of Sarawak To Great Britain 1946,* h. 51.
[34] *Annual Report on Sarawak for the year 1947,* h. 9-10.

Patinggi Abang Abdillah. Persatuan ini mengadakan tunjuk perasaan memprotes tindakan Raja Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British dan seterusnya dijadikan sebagai tanah jajahan mahkota British. Mereka menganggap tindakan Raja Brooke telah melanggar Perlembagaan Sarawak tahun 1941 (*Nine Cardinal Principles*) yang menjanjikan pemberian kerajaan sendiri kepada Sarawak. Dalam Perlembagaan ini antara lain menyatakan hasrat kerajaan Brooke akan memajukan perkhidmatan sosial dan pendidikan bagi menaikkan taraf hidup penduduk Sarawak. Raja Brooke juga berhasrat untuk mewujudkan taraf berkerajaan sendiri dan usaha berterusan akan dilaksanakan untuk mencapai cita-cita ini. Hal ini dapat dilihat melalui Perkara 2 dan Perkara 8 dalam Perlembagaan Sarawak. Perlembagaan Sarawak mengandungi falsafah dan halatuju Dinasti Brooke yang mana terdapat dua perkara yang terutama iaitu Perkara 2 dan Perkara 8.[35] Selain itu, penyerahan Sarawak kepada British juga bertentangan dengan Perjanjian Atlantik 1941 yang mana pada prinsipnya bersetuju untuk mengembalikan pentadbiran tanah jajahan kepada rakyatnya, penjajahan tidak boleh diteruskan dan apa-apa perubahan dalam sesebuah negara tidak boleh dilakukan tanpa mendapat persetujuan daripada rakyat negara itu.[36] Pendek kata, orang Melayu Sarawak pada ketika itu ingin mempertahankan Sarawak membentuk kerajaan sendiri dan tidak dikuasai oleh penjajah British.

Golongan antipenyerahan yang dipelopori oleh orang Melayu juga berasa kecewa kerana ketua-ketua tempatan tidak diajak untuk berunding dengan Vyner Brooke tentang isu penyerahan Sarawak kepada British terlebih dahulu sebelum keputusan diambil oleh Raja Brooke. Justeru, dalam hal ini pemimpin PKMS iaitu Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menyatakan "The Cession of Sarawak to the British Government cannot be agreed to by me and the people."[37] Seterusnya beliau menyatakan Sarawak adalah sebuah negeri 'merdeka' dan diletakkan di bawah hak milik penduduk Bumiputeranya. Raja Brooke pula hanyalah bertindak sebagai pemegang amanah negeri Sarawak. Oleh itu kerajaan British hendaklah menghormati kemerdekaan Sarawak.[38] Ini bermakna beliau inginkan Sarawak memperoleh kemerdekaan sendiri dan bukan menjadi tanah jajahan British. Di sini sekali lagi jelas memperlihatkan hasrat pemimpin Melayu Sarawak dalam memperjuangkan kemerdekaan dan kerajaan sendiri bagi negeri mereka.

Selain PKMS yang didominasi oleh golongan tradisional atau perabangan Melayu dari Kuching, perjuangan ini turut mendapat sokongan daripada segelintir orang Dayak di Bahagian Pertama (Kuching) yang menubuhkan *Sarawak Dayak Association* (SDA). Melalui SDA, orang Dayak di Bahagian Pertama Sarawak telah menyatakan pandangan mereka terhadap rancangan penyerahan Sarawak kepada British. Philip Jitam, pemimpin SDA pernah mengeluarkan satu pernyataan yang menampakkan ketidak setujuannya dan orang Dayak Sarawak tentang perubahan taraf Sarawak menjadi tanah jajahan British. Pernyataannya dalam bahasa Iban diterjemahkan seperti berikut:

> *Therefore, on behalf of my colleagues and with honesty to myself l oppose the Cession. Further l cannot compel myself to agree even in principle, since in the first instance, this proposal of Cession does not appear to have mutually agree upon; unless and until reconciliation has been effected and mutual consent has been given, than l consider it inappropriate to bring this subject for discussion.*[39]

Justeru, SDA juga menyertai orang Melayu dalam gerakan anti-penyerahan dan seterusnya menentang penyerahan Sarawak kepada British. Pada masa yang sama, gerakan antipenyerahan juga mendapat sokongan golongan pemuda Melayu dari Kuching dan Sibu. Barisan Pemuda Sarawak (BPS)[40] di Kuching

---

[35] Perkara 2: *That social and education services shall be developed and improved and the standard of living of the people of Sarawak shall steadily be raised.* Perkara 8: *That the goal of selg-government shall always be kept in mind, that the people of Sarawak shall entrusted in due course with the governance of themselves, and that continuous efforts shall be made to hasten the reaching of this goal by educating them in the obligations, and the privileges of citizenship.* Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 41.

[36] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 87. Piagam Atlantik lahir pada 14 Ogos 1941 di atas kapal perang British, HMS Prince of Wales. Perjanjian ditandatangani antara Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt dengan Perdana Menteri British, Winston Churchill. Menurut Piagam ini, semua negara dunia berhak untuk menentukan dan memerintah negara mereka sendiri. Begitu juga hak-hak masyarakat untuk memilih kerajaan mereka mesti dihormati.

[37] *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, h. 14. Lihat juga *The Sarawak Gazette,* 31 July 1972, h. 129.

[38] *The Sarawak Tribune*, 6 May 1946, h. 1.

[39] *The Sarawak Gazette,* 2 September 1946. h. 14.

[40] BPS ditubuhkan pada Jun 1947 dengan tujuan untuk membangunkan sosial, budaya, ekonomi dan politik penduduk Bumiputera. Antara ahli jawatankuasa pengasas ialah Merican Salleh (India Muslim), Tuanku Bujang (*Arab Origin*) dan Robert Jitam (Iban). BPS mendakwa mempunyai 2,000 orang ahli aktif dan 2,000 penyokong di Bahagian Pertama Sarawak. BPS kemudian juga menubuhkan bahagian Kaum Ibu dengan diketuai oleh Cikgu Lily Eberwein. Kaum Ibu menjalankan kempen dengan berjalan kaki atau menaiki bot dari sebuah rumah panjang ke sebuah rumah panjang bagi memenangi sokongan orang Dayak. Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 156-157.

dan Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu yang ditubuhkan oleh golongan pemuda Melayu terpelajar. Kedua-dua golongan ini turut menyertai gerakan antipenyerahan yang dipelopori oleh pemimpin tradisional Melayu di Kuching dan Sibu.

Dengan itu, gerakan penentangan di Sarawak telah semakin berkembang. Menjelang akhir tahun 1946 dan awal tahun 1947, semakin banyak pertubuhan muncul untuk menyokong perjuangan antipenyerahan. Dilaporkan pada ketika itu sejumlah 52 buah pertubuhan diwujudkan di merata-rata tempat di Sarawak dan kebanyakannya adalah pertubuhan Melayu. Antaranya, Barisan Pemuda Sarawak (BPS), Pergerakan Pemuda Melayu (PPM), Persatuan Bumiputera Sarawak (PBS), Angkatan Semangat Anak Sarawak (ASAS), PKMS Kaum Ibu, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melayu Limbang, Perhimpunan Kabajikan Awam, Kesetiaan Muda Matu, Kesetiaan Melayu Simanggang, Angkatan Bintawa-Astana Sarawak (ABAS), Kesetiaan Klub Dalat, Sulam Mas Seria, Kaum Ibu PPM dan Kesatuan Melayu Melanau Mukah (KMMM).[41] Kewujudan pertubuhan-pertubuhan ini menunjukkan semangat berkobar-kobar telah lahir dalam kalangan penduduk Bumiputera Sarawak khasnya orang Melayu untuk menentang British mengambil alih pentadbiran negeri Sarawak yang boleh menyebabkan kehilangan kebebasan dan kemerdekaan negeri mereka.

Pada mulanya, pelbagai tindakan dan taktik telah dilakukan oleh golongan antipenyerahan untuk menunjukkan protes mereka terhadap tindakan British mengambil alih Sarawak. Mereka telah memulaukan hari penyerahan, mengadakan perhimpunan raksasa, menganjurkan demonstrasi, menghantar memorandun bantahan kepada Ketua Setiausaha Pejabat Kolonial dan menutup kedai-kedai di bandar-bandar utama di seluruh Sarawak. Protes orang Melayu dapat dilihat semasa kedatangan Malcolm MacDonald (Pesuruhjaya Khas British) ke Kuching untuk upacara perasmian penyerahan Sarawak pada Julai 1946, tiada wakil dari golongan antipenyerahan (pemimpin Melayu) yang hadir. Begitu juga lawatan Malcolm MacDonald ke kampung-kampung telah dipulau oleh orang Melayu dengan tidak mengadakan sebarang sambutan, tiada lambaian bendera atau teriakan kanak-kanak sekolah. Malahan kampung-kampung diselubungi oleh suasana muram dan sunyi sepi yang mana jendela-jendela serta pintu rumah ditutup rapat. Pada sebelah malam pula, dalam majlis keraian yang diadakan di perkarangan Astana, hanya orang Cina dan Eropah serta mereka yang propenyerahan sahaja yang hadir.[42] Keadaan ini menunjukkan bantahan orang Melayu terhadap penyerahan Sarawak kepada British.

Sementara itu, tunjuk perasaan turut diadakan oleh golongan antipenyerahan semasa upacara pelantikan Gabenor British yang pertama iaitu Sir Charles Noble Arden Clarke di Astana, Kuching pada Oktober 1946. Para pemimpin Melayu dan Dayak yang menyokong gerakan antipenyerahan telah bertindak memulaukan upacara berkenaan dengan tidak hadir dalam majlis tersebut.[43] Surat bantahan terhadap langkah penyerahan Sarawak kepada British juga diterima oleh Gabenor British daripada pemimpin Melayu terkemuka, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan Abang Ikwan Zaini dari PKMS.[44] Selain itu, apabila penyokong gerakan antipenyerahan mendapati Mufti Sarawak adalah seorang penyokong penyerahan Sarawak kepada British, mereka telah memulaukan Masjid Besar Negeri di Kuching dan bersembahyang di Masjid India dan masjid serta surau yang lain.[45] Pelbagai strategi dan tindakan telah dilakukan oleh golongan antipenyerahan dalam menunjukkan protes mereka terhadap penyerahan Sarawak kepada British.

Selain di Kuching, golongan antipenyerahan juga menjalankan usaha mendapat sokongan daripada kalangan penduduk di Sibu. Ini dapat dilihat di mana golongan terpelajar Melayu di Sibu di bawah PPM telah menjalankan kempen bagi mendapatkan sokongan daripada kalangan orang Melayu dan juga pemimpin Dayak. PPM ditubuhkan di Sibu pada pertengahan tahun 1946. PPM diketuai oleh Mohamad Sirat Haji Yaman sebagai Presiden, Awang Rambli sebagai Setiausaha Umum, Muhammad Abet sebagai Bendahari dan Abang Han sebagai Pustakawan. Antara matlamat PPM adalah menentang British, juga mereka yang bersama dan menyokong British di samping mengambil perhatian terhadap kebajikan ahli dan masyarakat setempat. Ahli-ahli PPM terdiri daripada pemuda Melayu dari lembah Sungai Rejang, Bahagian Ketiga Sarawak. Cawangan PPM juga terdapat di Kanowit, Song, Kapit, Belaga, Binatang, Sarikei, Matu,

[41] *The Sarawak Tribune,* 30 October 1946, h. 6; *The Sarawak Gazette,* 30 April 1976, h. 76. Rujuk juga Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, h. 49; Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, h. 93; Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 150.
[42] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 84.
[43] Ibid., h. 90.
[44] Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* h. 9.
[45] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 88.

Daro, Igan, Dalat, Mukah dan Oya dengan jumlah keanggotaan dianggarkan 30,000 orang.[46] PPM juga mempunyai sayap Kaum Ibu yang diketuai oleh Sharifah Sipah dan setiausahanya, Dayang Fauziah Haji Hashim. Ahli PPM bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu dan Melanau, tetapi juga berjaya menarik orang Iban, Kayan dan kaum Bumiputera lain dari pelbagai kawasan di Rejang, Belaga hingga ke Mukah.[47] Begitu juga, atas usaha Nor Mohammad dan Abang Han berserta ahli-ahli PPM di Sibu, mereka berjaya mendapatkan sokongan daripada ramai penghulu Iban termasuk dua orang pemimpin utama, iaitu Temenggung Koh dan Penghulu Jugah. Kejayaan mereka dalam menarik perhatian dan sokongan kaum Iban kepada perjuangan antipenyerahan telah membimbangkan kerajaan British.

Justeru, pada 10 Disember 1946, kerajaan British mengeluarkan Surat Pekeliling Bil. 9 (*Circular No. 9*) yang memberi amaran kepada kakitangan kerajaan supaya tidak terlibat dalam gerakan penentangan. Surat Pekeliling ini menekankan "*any government servant who associated himself with any activity designed to keep open the question of cession or commits any act of disloyalty to government will render himself liable to instant dismissal*."[48] Surat Pekeliling yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kerajaan, C.W. Dawson ini telah mencetuskan kontroversi dan reaksi di luar jangkaan. Dilaporkan seramai lebih kurang 400 orang kakitangan kerajaan Sarawak dari pelbagai jabatan perkhidmatan awam telah meletak jawatan sebagai protes terhadap tindakan kerajaan British.[49] Tindakan mereka tersebut bertujuan untuk menyampaikan kepada pengetahuan kerajaan dan orang ramai bahawa ramai penduduk Sarawak dengan segala tulus ikhlasnya menentang penyerahan Sarawak. Sungguhpun tindakan meletakkan jawatan beramai-ramai itu tidak mendatangkan kesan yang efektif, namun ia menunjukkan kepada pemerhati-pemerhati politik bahawa pergerakan antipenyerahan bukan sahaja satu kumpulan orang yang tidak puas hati, tetapi mereka telah membuat satu keputusan yang penting dan bersejarah sebagai suatu perjuangan, pengorbanan dan tanggungjawab politik kepada bangsa dan negeri mereka.

Reaksi Golongan Propenyerahan

Dalam tindakan British menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkotanya, orang Melayu Sarawak terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan antipenyerahan dan golongan propenyerahan. Ketika golongan antipenyerahan bertindak aktif dalam mempertahankan Sarawak daripada terus dijajah, golongan propenyerahan pula cuba meraih sokongan masyarakat untuk menerima pentadbiran British buat sementara waktu.

Apabila golongan antipenyerahan bergiat dalam melakukan pemulauan ke atas Surat Pekeliling Bil. 9, golongan propenyerahan di Kuching di bawah pimpinan Datu Bandar Abang Haji Mustapha menubuhkan Persatuan Melayu Muda (*Young Malay Association/*YMA). YMA dibentuk pada Jun 1947. YMA diketuai oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha sebagai Presiden, Haji Muhammad Yusof sebagai Timbalan Presiden, Datu Amar Abang Haji Suleiman sebagai Penaung, Abang Haji Othman sebagai Setiausaha Agung dan Sub-Inspektor Mohammad sebagai Setiausaha Sukan. Tujuan utama persatuan ini adalah untuk meningkatkan keyakinan pemuda khususnya daripada kalangan penyokong penyerahan yang menghadapi cemuhan atau kritikan dan pemulauan daripada golongan antipenyerahan. Selain itu, persatuan ini juga bertujuan untuk memajukan sosial dan ekonomi orang Melayu. Ini kerana mereka menyedari kedudukan masyarakat Melayu yang ketinggalan dalam pelbagai aspek, dan jika menentang penyerahan, orang Melayu akan mengalami kerugian. Keanggotaan YMA adalah kecil bilangannya iaitu hanya lebih kurang 300 orang. Mereka terdiri daripada kakitangan awam yang setia kepada kerajaan British dan golongan 'abang' dari Kuching. Cawangan YMA kemudian juga ditubuhkan di Sibu, Kalaka, Miri dan Kampung Sambir. Bagaimanapun, usaha YMA dalam menarik penyertaan penduduk menyokong penyerahan Sarawak adalah kurang berjaya.[50]

---

[46] Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 49; Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 162.
[47] Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* h. 36-37; Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 51-52; Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 163.
[48] Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 158.
[49] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 103-105. Lihat juga Vernon L. Porritt (1997), *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963,* h. 53.
[50] Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 47.

Dalam soal penyerahan Sarawak, Datu Bandar Abang Haji Mustapha mempunyai pendapat yang bertentangan dengan kumpulan antipenyerahan. Beliau menyatakan bahawa Sarawak masih ketinggalan dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan, industri dan pertanian. Justeru, beliau percaya bahawa pembinaan semula Sarawak adalah diperlukan dan ini memerlukan sokongan daripada sebuah negara besar, seperti Britain. Beliau setuju apabila Sarawak sudah maju dan kuat, Sarawak boleh menuntut untuk berkerajaan sendiri. Justeru, bagi Datuk Bandar Abang Haji Mustapha, penyerahan Sarawak kepada kerajaan British boleh dilakukan di mana dasar pentadbiran yang ada dikekalkan dan hak-hak Bumiputera diberi pertimbangan yang sewajarnya.[51] Ini bermakna bagi orang Melayu yang propenyerahan, buat sementara waktu pentadbiran British di Sarawak masih diperlukan sehingga Sarawak menjadi maju dan mampu berdiri sendiri.

Gerakan Penentangan Semakin Radikal

Susulan daripada Surat Pekeliling Bil. 9 yang memberi tekanan kepada golongan antipenyerahan dan penyokongnya, menyebabkan berlaku perubahan dalam taktik perjuangan mereka. Gerakan penentangan menjadi semakin radikal apabila PPM di Sibu menubuhkan kumpulan Rukun Tiga Belas yang dipimpin oleh Awang Rambli bin Mohd. Deli. Seramai 13 orang anggota PPM mengadakan mesyuarat rahsia yang diketuai oleh Awang Rambli dan Abang Han di Jalan Cross, Sibu pada pertengahan tahun 1948. Hasil mesyuarat itulah tertubuhnya Rukun Tiga Belas yang dianggotai oleh Awang Rambli, Abang Han, Rosli Dhoby, Abang Ahmad, Morni Junit, Awang Osman, Jack Yusof, Osman Dollah, Abang Mat Sirat, Che Alias Osman, Amin Jenal, Wan Zin dan Tambek Adun. Kumpulan ini merancang untuk membunuh pegawai British dan Datu-datu Melayu yang bekerjasama serta menyokong British.[52] Awang Rambli yang lebih dikenali dengan sikap agresifnya terhadap penjajah pernah menyatakan: "Tidak berguna kita menjalankan bangkangan cara lama seperti menanti hujan emas dari langit. Kita mesti ingat bahawa kemerdekaan itu tetap ada di dalam tangan kita jika kita bersedia mengorbankan diri kita sendiri".[53] Seterusnya beliau juga menegaskan "Tidak ada orang yang lebih baik dikorbankan melainkan gabenor".[54] Dengan itu bermulalah rancangan mereka untuk membunuh Gabenor British yang akan mengadakan lawatan rasmi ke seluruh Sarawak.

Penubuhan Rukun Tiga Belas disebabkan oleh tindakan kerajaan British yang memburuk-burukkan para pejuang antipenyerahan dengan menuduh perjuangan mereka semata-mata bertujuan untuk mengekalkan kepentingan orang Melayu di Sarawak. Tuduhan itu bertujuan untuk mencetuskan perselisihan faham antara orang Melayu dan Dayak dan dengan itu dapat melemahkan pergerakan antipenyerahan di Sarawak. Selain itu, pegawai kerajaan British termasuklah Gabenor, Ketua Setiausaha dan Gabenor Jeneral juga mengadakan lawatan ke kawasan penempatan orang Iban untuk memperoleh sokongan mereka. Usaha mereka berjaya memenangi ramai penghulu Iban di Bahagian Ketiga Sarawak (Rajang). Temenggung Koh dan Penghulu Jugah kemudian menjadi sabahat kepada Gabenor Jeneral dan Pesuruhjaya Tinggi British (Malcolm MacDonald). Dengan itu orang Iban di kawasan Rejang turut menyokong kerajaan Sarawak dan membentuk *Iban Association* pada Jun 1947.[55] Tindakan, kempen dan propaganda kerajaan British itu telah menyebabkan gerakan antipenyerahan menjadi semakin lemah kerana ramai pemimpin Dayak telah keluar dari gerakan itu. Memandangkan itu, perjumpaan diadakan oleh PPM di Sibu dan keputusan diambil untuk menyusun strategi baharu supaya perjuangan mereka tercapai. Keadaan itu akhirnya mendorong kepada pembentukan satu kumpulan yang dikenali sebagai Rukun Tiga Belas oleh pemuda Melayu dari Sibu.[56] Munculnya Rukun Tiga Belas bukan sahaja menunjukkan perubahan dalam cara perjuangan yang lebih radikal tetapi perjuangan peringkat ini diketuai oleh golongan pemuda terpelajar, iaitu PPM dari Sibu. Manakala golongan tradisional yang mempelopori perjuangan peringkat awal telah mula diketepikan kerana perjuangan mereka tidak mencapai matlamat yang diingini.

---

[51] *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, h. 13; Bob Reece (n.d.), *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak*, h. 95-96; Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 91-92.
[52] Vernon L. Porritt (1997), *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963,* h. 55; Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 129.
[53] Syed Hussein Alattas (1975), *Kenapa Rosli Dhobi dan Tiga Hero Dihukum Bunuh?,* Johore: Alattas Enterprise, h. 91. Lihat juga Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 55.
[54] Syed Hussein Alattas (1975), *Kenapa Rosli Dhobi dan Tiga Hero Dihukum Bunuh?,* h. 91.
[55] Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 53-54.
[56] Haji Mohammad Hasbie Sulaiman (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak,* h. 129.

Detik yang ditunggu-tunggu oleh Rukun Tiga Belas tiba apabila Sir Duncan Stewart selaku Gabenor British Sarawak yang kedua mengadakan lawatan rasmi pertamanya ke Sibu pada 3 Disember 1949. Di situ kemuncak gerakan antipenyerahan berlaku di mana Sir Duncan Stewart ditikam oleh Rosli Dhoby di bahagian perutnya. Peristiwa itu berlaku ketika Gabenor sedang memeriksa pembarisan murid-murid sekolah dalam upacara sambutan perbarisan kehormatan yang diadakan di Sibu sempena lawatannya. Dengan itu, suasana yang meriah telah tiba-tiba bertukar menjadi kucar-kacir dan Rosli Dhoby juga ditangkap di tempat kejadian.[57] Sir Duncan Stewart mengalami kecederaan parah, dibawa ke Hospital Sibu dan kemudian diterbangkan ke Singapura untuk mendapatkan rawatan lanjut. Beliau meninggal dunia di Singapura pada 10 Disember 1949.[58] Tindakan pemuda Melayu dari Sibu ini jelas menunjukkan semangat perjuangan orang Melayu Sarawak khasnya dan penduduk Sarawak umumnya dalam menentang penjajah.

Akibat daripada peristiwa pembunuhan gabenor tersebut, tindakan tegas telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menekan golongan antipenyerahan. Mereka yang terlibat dalam pakatan pembunuhan itu ditangkap, dibicarakan dan dihukum. Di antaranya Rosli Dhoby, Morshidi Sidek, Awang Rambli dan Bujang bin Suntong dihukum gantung pada 2 Mac 1950. Manakala tujuh orang yang lain iaitu Abang Han, Che Osman bin Ahmad, Mornie bin Onei, Othman bin Dollah, Ahmad bin Haji Abu Bakar, Awang Osman bin Moh dan Wan Zain bin Abdullah pula dikenakan hukuman penjara. Hasil dari peristiwa tersebut juga semua kegiatan antipenyerahan telah dibanteras oleh pihak kolonial. PPM dan cawangannya digeledah oleh pihak kerajaan, ahli-ahlinya disiasat dan dokumen-dokumen dirampas.[59] PPM turut diharamkan oleh pihak kerajaan Sarawak. Pada Januari 1951 pula, satu perjumpaan telah diadakan di antara pemimpin Melayu antipenyerahan dengan Anthony Brooke di Singapura. Daripada perjumpaan itu, mereka telah menjamin akan memberi taat setia kepada British dan berkerjasama dengan kerajaan serta menghentikan aktiviti antipenyerahan di Sarawak.[60] Tindakan kerajaan dan jaminan daripada golongan antipenyerahan tersebut akhirnya telah menamatkan gerakan penentangan terhadap penjajah di Sarawak dan penduduk mula menunjukkan kerjasama kepada kerajaan yang berkuasa.[61] Dengan itu boleh dikatakan gerakan antipenyerahan gagal dalam usaha untuk membebaskan Sarawak daripada penjajahan British, sebaliknya British terus berkuasa di Sarawak.

Namun demikian, perjuangan golongan antipenyerahan tidaklah sia-sia sahaja kerana melalui gerakan antipenyerahan jelas dapat dilihat kesedaran kebangsaan telah mencapai kemuncak dalam kalangan penduduk Bumiputera khasnya orang Melayu. Pertubuhan Melayu telah diwujudkan bukan sahaja di Kuching dan Sibu tetapi juga di daerah-daerah lain di Sarawak yang turut serta dalam menyokong gerakan antipenyerahan. Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan bibit-bibit kesedaran kemerdekaan turut disemai dalam kalangan penduduk Melayu Sarawak. Kemunculan kesedaran dalam kalangan penduduk Melayu Sarawak dapat dilihat melalui poster-poster yang dipamerkan dan slogan-slogan yang diluang-luangkan oleh penyokong antipenyerahan Sarawak ketika demonstrasi diadakan. Di antaranya ialah *"NATIVES OF FIVE DIVISIONS DO NOT WANT COLONIAL ADMINISTRATION", "DOWN WITH SARAWAK COLONY", "OUR PROTEST FOR FREEDOM IS UNDAUNTED", "NO CESSION, SARAWAK IS OUR BLOOD AND SOUL", "WE DO NOT WANT TO BE COLONISED"* dan sebagainya.[62] Slogan-slogan ini lazimnya membayangkan dan menunjukkan kepada pihak British dan masyarakat umum tentang perasaan penduduk Melayu yang tidak ingin berada di bawah jajahan British, sebaliknya mereka berjuang untuk Sarawak memperoleh taraf berkerajaan sendiri dan kemerdekaan. Peristiwa pembunuhan Gabenor Sarawak juga mengingatkan kerajaan British agar tidak memandang ringan terhadap kehendak penduduk Sarawak.

---

[57] Ibid., hlm. 130; Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* h. 85-86; *Annual Report on Sarawak for the year 1949,* Kuching: Government Printing Office, 1950, hlm. 1-2.

[58] Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* h. 118.

[59] *The Sarawak Gazette*, 7 February 1950, h. 29. Lihat juga Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 167.

[60] CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for January 1951 Serial No. 1/51; CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for February 1951 Serial No. 2/51. Lihat juga CO 1022/89, Claim by Anthony Brooke for exemption from income tax as a dependant of the former Rajah of Sarawak; his objection to banishment from Sarawak as an opponent of the Cession

[61] CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for June 1951 Serial No. 6/51; CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for July 1951 Serial No. 7/51; CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report For August 1951 Serial No. 8/51; CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report For September 1951 Serial No. 9/51.

[62] *The Sarawak Gazette,* 30 April 1976, h. 76; *The Sarawak Tribune,* 30 October 1946, h. 6. Lihat juga Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966,* h. 50; Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951," h. 150. Di pihak yang menyokong penyerahan, antara poster yang dipasang ialah "We Love Cession," "Down with Brooke" dan "God Save the Queen". Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* h. 25.

Kesimpulan

Pergerakan politik utama di Sarawak selepas Perang Dunia Kedua dan berakhirnya zaman pendudukan Jepun adalah berhubung kait dengan isu penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke kepada British dan tindakan British menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkotanya. Keputusan Raja Brooke ini membawa kepada perubahan taraf politik Sarawak daripada negeri naungan (sejak perjanjian tahun 1888) kepada jajahan Mahkota British. Justeru, keputusan Raja Brooke untuk menyerahkan Sarawak dan kesediaan British untuk menjadikan Sarawak sebagai jajahannya telah menimbulkan huru-hara dalam politik Sarawak. Perkembangan ini seterusnya membawa kepada munculnya gerakan antipenyerahan yang dipelopori oleh orang Melayu bagi menggagalkan penyerahan Sarawak kepada British supaya negeri mereka tidak dijajah secara langsung oleh British. Bagaimanapun, akhirnya pada 1 Julai 1946 Sarawak secara rasmi telah diserahkan kepada Pejabat Kolonial di London dan menjadi tanah jajahan mahkota British. Ternyata pihak berkuasa British tidak mahu bertolak ansur terhadap bangkangan yang ditunjukkan oleh golongan antipenyerahan yang dipimpin oleh orang Melayu sejak pengumuman penyerahan Sarawak dibuat oleh Raja Vyner Brooke. Lantas sikap tidak ambil peduli terhadap perjuangan golongan antipenyerahan itu telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kemarahan serta kekecewaan dalam kalangan pejuang antipenyerahan Melayu sehingga mencapai kemuncaknya dengan pembunuhan Gabenor British Sarawak yang kedua di Sibu oleh seorang pemuda Melayu dari Rukun Tiga Belas. Justeru, jelas dapat dilihat orang Melayu memainkan peranan penting dalam gerakan antipenyerahan yang berlaku di Sarawak pasca Perang Dunia Kedua. Mereka telah mengambil bahagian yang aktif dalam gerakan penentangan ini iaitu dari merancang penentangan, meraih sokongan daripada masyarakat Melayu dan Iban, mengadakan demonstrasi, tunjuk perasaan dan pemulauan sehingga peristiwa pembunuhan Gabenor British pada Disember 1949. Tindakan dan semangat perjuangan orang Melayu ini adalah didorong oleh keinginan mereka untuk membebaskan Sarawak daripada dijajah oleh British.

Walau bagaimanapun, perjuangan orang Melayu di Sarawak gagal mencapai matlamat dalam mempertahankan kerajaan sendiri dan kemerdekaan untuk negeri mereka. Sarawak dikuasai oleh British sehingga pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 dan Sarawak menjadi sebahagian di dalam Malaysia. Umumnya, faktor utama kegagalan gerakan antipenyerahan adalah disebabkan gerakan ini tidak mendapat sokongan menyeluruh daripada penduduk Sarawak dan penduduk juga tidak bersatu. Hanya orang Melayu yang aktif berjuang tetapi mereka merupakan kumpulan penduduk minoriti di Sarawak. Selain itu, mereka juga berpecah kepada dua golongan iaitu propenyerahan dan antipenyerahan. Pergerakan politik di Sarawak selepas pendudukan Jepun pada awalnya adalah menentang Raja Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British dan apabila Sarawak secara rasminya menjadi jajahan mahkota British pada 1 Julai 1946, pergerakan itu telah bertukar dari antipenyerahan kepada antipenjajahan. Justeru, boleh dikatakan kemunculan perjuangan antipenyerahan telah meningkatkan lagi kesedaran kebangsaan dan politik dalam kalangan penduduk Melayu khasnya. Perkembangan ini kemudian telah diteruskan lagi dengan kemunculan gerakan politik berparti pada tahun 1950-an dan awal 1960-an untuk memperjuangkan kemerdekaan negeri Sarawak daripada penjajahan British. Akhirnya, Sarawak memperoleh kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Rujukan

Allen, J. de V., Stockwell, A.J., Wright, L.R. (eds.) (1981), *A Collection of Treaties and other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963,* London: Oceana Publications. Inc.

Annual Report on Sarawak for the year 1947, Kuching: Government Printing Office, 1948.

Annual Report on Sarawak for the year 1949, Kuching: Government Printing Office, 1950.

Brooke, Anthony (1983), *The Facts About Sarawak: A Documented Account of the Cession to Britain in 1946,* Singapore: Summer Times.

British Borneo Military Administration Gazette, 11 February 1946.

Bujang bin Mohammed Nor (1950), *The Cession of Sarawak To Great Britain 1946,* Singapore: University of Malaya.

CO 531/33, North Broneo, Brunei, Sarawak: Original Correspondence, 1907-1951.

CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for January 1951 Serial No. 1/51.

CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for February 1951 Serial No. 2/51.

CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for June 1951 Serial No. 6/51.

CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for July 1951 Serial No. 7/51.

CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for August 1951 Serial No. 8/51.

CO 537/7240, Sarawak and Brunei Political Intelligence Report for September 1951 Serial No. 9/51.

CO 1022/89, Claim by Anthony Brooke for exemption from income tax as a dependant of the former Rajah of Sarawak; his objection to banishment from Sarawak as an opponent of the Cession

CO 1022/106, Addresses by the Governor of Sarawak to Council Negri from December 1951 onwards.

Hutton, Wendy (ed.) (1993), *Sabah & Sarawak with Brunei Darussalam,* Singapore: Periplus Editions.

Jeniri Amir (2013), *Rosli Dhoby Merdeka Dengan Darah,* Kuching: Jenza Enterprise.

Jones, L.W. (1962), *Report on The Census of Population Taken on 15th June 1960,* Kuching: Government Printing Office.

Mohammad Hasbie Sulaiman, Haji (1989), *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.

Porritt, Vernon L. (1997), *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963,* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Radio Times of Sarawak, Programmes from 1 December to 14 December 1957, Vol. 3, no. 25.

Reece, R.H.W. (1982), *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Reece, Robert H.W. (1977), The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946, Ph.D. Thesis, Australian National University, Canberra.

Reece, Bob (n.d.), *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak: Some Reflections of His Life and Times,* Kuching: Sarawak Literary Society.

Rose, Saul (1962), *Britain and South-East Asia*, Baltimore: The Johns Hopkins Press.

Runciman, Steven (1960), *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946,* Cambridge: Cambridge University Press.

Sabihah Osman (1990), "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951", *Jebat,* Bil. 18, 145-174.

Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy,* Singapore: Oxford University Press.

Seitelman, Max (1948), "The Cession of Sarawak," *Far Eastern Survey,* Vol. 17, no. 3, 35-37.

Syed Hussein Alattas (1975), *Kenapa Rosli Dhobi dan Tiga Hero Dihukum Bunuh?,* Johore: Alattas Enterprise.

The Sarawak Gazette, 2 September 1946.

The Sarawak Gazette, 7 February 1950.

The Sarawak Gazette, 31 July 1972.

The Sarawak Gazette, 30 April 1976.

The Malay Mail, 27 January 1949.

The Sarawak Tribune, 16 January 1946.

The Sarawak Tribune, 8 February 1946.

The Sarawak Tribune, 9 February 1946.

The Sarawak Tribune, 6 May 1946.

The Sarawak Tribune, 30 October 1946.

The Straits Times, 25 October 1945.

Utusan Sarawak, 13 November 1950.